

**PENGURUSAN PENGAJARAN GURU DAN
INFRASTRUKTUR ICT SERTA
PERSEPSI PELAJAR DALAM
MATA PELAJARAN ICT**



JEN LEE SHEE ZEE

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2011**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **PENGURUSAN PENGAJARAN GURU DAN INFRASTRUKTUR ICT SERTA PERSEPSI PELAJAR DALAM MATA PELAJARAN ICT**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

SAYA : **JEN LEE SHEE ZEE**

SESI PENGAJIAN: **2010/2011**

Mengakui membenarkan tesis (~~LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah~~) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐


/

TIDAK TERHAD


JULIZA RAMZI
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan oleh

1


(JEN LEE SHEE ZEE)


(PROF DR BAHARUM BIN MOHAMMAD)

Tarikh : 5 MAC 2012

Tarikh : 5 MAC 2012

CATATAN : * Potong yang tidak berkenaan.

** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis iniperlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*** Tesis dimaksudkan sebagai tesis Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)

**PENGURUSAN PENGAJARAN GURU DAN
INFRASTRUKTUR ICT SERTA
PERSEPSI PELAJAR DALAM
MATA PELAJARAN ICT**

JEN LEE SHEE ZEE



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2011**

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan, petikan dan rujukan dan tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

25 Disember 2011

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Jen Lee Shee Zee", is written over a horizontal line.

JEN LEE SHEE ZEE
PT 20098752C

PENGESAHAN PENYELIA

NAMA : JEN LEE SHEE ZEE
NO. MATRIKS : PT20098752C
TAJUK : PENGURUSAN PENGAJARAN GURU DAN
INFRASTRUKTUR ICT SERTA PERSEPSI PELAJAR
DALAM MATA PELAJARAN ICT
IJAZAH : SARJANA PENGURUSAN PENDIDIKAN

DISAHKAN OLEH

1. PROF MADYA
DR BAHAROM BIN MOHAMAD
PENYELIA



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Dr Baharom Bin Mohamad', is written over two horizontal lines.

PENGHARGAAN

Sesungguhnya segala pujian dan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Tuhan kerana dengan izinNya, disertasi ini telah dapat disiapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr. Baharom Bin Mohamad atas segala bimbingan, tunjuk ajar, saranan-saranan yang bernas, keprihatinan, dorongan, sokongan moral, dan masa yang dicurahkan kepada saya sepanjang penyiapan disertasi ini.

Penghargaan dan terima kasih juga saya rakamkan kepada Jabatan Pendidikan Sabah yang telah menyumbangkan data yang diperlukan kepada kajian ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada pensyarah-pensyarah Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial Sosial, rakan-rakan, guru-guru dan pelajar-pelajar yang terlibat dalam kajian ini kerana telah membantu sehingga disertasi ini dapat disiapkan. Penghargaan juga ditunjukkan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung membantu menjayakan kajian ini.

Tidak lupa juga ingin merakamkan terima kasih kepada keluarga tersayang atas kasih sayang, galakan dan sokongan serta sentiasa memahami keadaan untuk membolehkan saya menjayakan disertasi ini. Walaupun pelbagai halangan terpaksa ditempuhi tetapi sokongan diberikan menguatkan semangat untuk menyiapkan kajian ini. Semoga Tuhan membalas jasa baik semua.

Akhir kata, semua yang baik itu datangnya dari Tuhan yang Esa dan segala kelemahan adalah dari diri saya sendiri.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Guru seringkali diibaratkan sebagai pengurus dalam bilik darjah. Pengurusan pengajaran guru merupakan pedoman kepada guru dalam menguruskan bilik darjah. Seajar dengan ledakan teknologi, mata pelajaran *Information Communication Technology* (ICT) telah diperkenalkan kepada pelajar di peringkat menengah atas. Dengan penawaran mata pelajaran tersebut, kemudahan infrastruktur ICT menjadi elemen yang penting dalam pembelajaran. Maka kajian ini akan melihat hubungan di antara pengurusan pengajaran guru dengan kemudahan infrastruktur ICT yang dibekalkan oleh sekolah. Di samping itu, kajian juga mengkaji tentang persepsi pelajar terhadap pengurusan pengajaran guru dan infrastruktur ICT. Analisis data dalam penyelidikan ini dibuat secara kuantitatif. Data dalam kajian ini diperolehi melalui soal selidik yang diedarkan kepada 175 orang pelajar Tingkatan 4 dari enam buah sekolah menengah di daerah Kota Kinabalu. Instrumen kajian diadaptasi dari *Principal Instructional Management Rating Scale* (PIMRS), *Shelby County Schools Rubric for Essential Conditions* dan *Rubric of Essential Technology Conditions* (RETC). Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 16.0. Dapatan kajian menunjukkan wujud hubungan signifikan yang sederhana di antara pengurusan pengajaran guru, infrastruktur ICT dan persepsi pelajar dalam mata pelajaran ICT. Berdasarkan dapatan kajian, pengurusan pengajaran guru, infrastruktur ICT mempunyai pengaruh terhadap persepsi pelajar dalam mata pelajaran ICT.

ABSTRACT

Teachers are often viewed as a manager in the classroom. Teaching management is a guideline for teachers in managing classrooms. In line with the expanding of technology, the subject Information Communication Technology (ICT) has been introduced to students at upper secondary level. By offering this subject, ICT infrastructure had become an important element in learning. Therefore, this study will examine the relationship between teaching management with ICT infrastructure provided by the school. In addition, this studies also assessing the students' perception towards the teaching management and ICT infrastructure. Data were analyzed in quantitative method. The data were collected via questionnaires distributed among 175 students from Form 4 of six secondary schools in the district of Kota Kinabalu. The research instrument was adapted from the Principal Instructional Management Rating Scale (PIMRS), Shelby County Schools for Essential Conditions Rubric and Rubric of Essential Technology Conditions (RETC). Data was analyzed using SPSS version 16.0. The findings showed significant moderate correlation between teaching management, ICT infrastructure and perceptions of students in ICT. Based on the findings, teaching management, ICT infrastructure has significant influence on the perceptions of students in ICT subject.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYELIA	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI SINGKATAN	xv
 BAB 1 : PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Soalan Kajian	8
1.6 Hipotesis Kajian	9
1.7 Rasional / Kepentingan Kajian	9
1.8 Batasan Kajian	10
1.9 Kerangka Konsep	11

1.10	Takrifan Operasional	11
1.10.1	Pengurusan Pengajaran Guru	
1.10.2	Infrastruktur di sekolah	
1.10.3	Persepsi pelajar	
1.11	Rumusan	12

BAB 2 : SOROTAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	13
2.2	Pengurusan Pengajaran Guru	13
2.2.1	Limitasi Dimensi dalam Pengurusan Pengajaran Guru	15
2.2.2	<i>Instructional Management</i>	19
2.2.3	Model Kounin	20
2.3	Infrastruktur ICT	22
2.4	Persepsi Pelajar	27
2.4.1	Minat Pelajar	27
2.4.2	Sikap Pelajar	28
2.4.3	Persepsi Guru	30
2.4.4	Peranan Guru	31
2.5	Rumusan	32

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	33
3.2	Reka Bentuk Kajian	33
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	35
3.4	Instrumen Kajian	40

3.5	Sumber Data	46
3.6	Kajian Rintis	46
3.7	Analisis Data	54
3.7.1	Analisis Statistik Deskriptif	
3.7.2	Analisis Statistik Inferensi	
3.8	Pembolehubah Kajian	55
3.9	Rumusan	56

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	57
4.2	Analisis Statistik Deskriptif	57
4.2.1	Demografi Responden	
4.2.1.a	Jantina Pelajar	58
4.2.1.b	Keturunan Pelajar	58
4.2.1.c	Jenis Sekolah	59
4.2.1.d	Tahap Kemahiran Dalam Komputer	60
4.2.1.d	Mengikuti Kursus Dalam Komputer	60
4.2.1.e	Peralatan Komputer Di Rumah	61
4.2.2	Apakah Pengurusan Pengajaran Guru yang dominan dalam mata pelajaran ICT?	61
4.2.2.a	Dimensi Satu : Pentakrifan Matlamat Pengurusan Pengajaran Guru	62
4.2.2.b	Dimensi Dua : Pengurusan Kurikulum	63
4.2.2.c	Dimensi Tiga : Pemupukan Iklim Pengajaran Dan Pembelajaran	65

4.2.2.d	Analisis Dapatan Pengurusan Pengajaran Guru (Dimensi Satu, Dua dan Tiga)	67
4.2.3	Apakah jenis infrastuktur ICT yang domain dibekalkan di sekolah menengah?	68
4.2.3.a	Dimensi Satu : Pelajar, Guru dan Kakitangan Sokongan	68
4.2.3.b	Dimensi Dua : Perisian Instruksional dan Sumber Laman	69
4.2.3.c	Dimensi Tiga : Infrastruktur	71
4.2.3.d	Analisis Dapatan Infrastruktur ICT di Sekolah Menengah	72
4.2.4	Apakah faktor domain yang mempengaruhi persepsi pelajar dalam mata pelajaran ICT?	73
4.2.4.a	Dimensi Satu : Persepsi Tentang Mata Pelajaran ICT	73
4.2.4.b	Dimensi Dua : Corak Pengajaran Guru	74
4.2.4.c	Analisis Dapatan Persepsi Pelajar Dalam Mata Pelajaran ICT (Dimensi Satu dan Dua)	75
4.3	Analisis Statistik Inferensi	76
4.3.1	Hubungan Antara Pengurusan Pengajaran Guru Dengan Infrastruktur ICT Di Sekolah	76
4.3.2	Hubungan Antara Pengurusan Pengajaran Guru Dengan Persepsi Pelajar	78
4.3.3	Hubungan Infrastruktur ICT Di Sekolah Dengan Persepsi Pelajar	79

BAB 5 : RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	83
5.2	Rumusan	83
5.2.1	Demografi Responden	83
5.3	Pengurusan Pengajaran Guru	85
5.4	Infrastruktur ICT	90
5.5	Persepsi Pelajar Dalam Mata Pelajaran ICT	95
5.6	Hubungan Antara Pengurusan Pengajaran Guru dengan Infrastruktur ICT dalam mata pelajaran ICT	97
5.7	Hubungan Antara Pengurusan Pengajaran Guru Dengan Persepsi Pelajar	99
5.8	Hubungan Antara Infrastruktur ICT Dengan Persepsi Pelajar	100
5.9	Cadangan Tindakan	101
5.10	Cadangan Kajian Lanjutan	103
5.11	Kesimpulan	104

BIBLIOGRAFI

105

LAMPIRAN

109

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Nama Rajah	Muka surat
Rajah 1.1	Kerangka Konsep Kajian	11
Rajah 1.1	Perbelanjaan & Peruntukan Pembangunan Bagi Program berkaitan ICT, 2001-2010	25



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Nama Jadual	Muka surat
Jadual 3.1	Enrolmen Pelajar Tingkatan 4 yang mengambil mata pelajaran ICT di daerah Kota Kinabalu	35
Jadual 3.2	Senarai bilangan dan peratusan responden	35
Jadual 3.3	Skala dan markat skor Pengurusan Pengajaran Guru (Bahagian B)	41
Jadual 3.4	Pembahagian Borang Soal Selidik (Bahagian B)	41
Jadual 3.5	Skala dan markat skor Infrastruktur ICT di sekolah (Bahagian C)	42
Jadual 3.6	Pembahagian Borang Soal Selidik (Bahagian C)	43
Jadual 3.7	Skala dan markat skor Persepsi Pelajar terhadap Mata Pelajaran ICT (Bahagian C)	44
Jadual 3.8	Pembahagian Borang Soal Selidik (Bahagian D)	45
Jadual 3.9	Nilai Alfa Cronbach mengikut item	48
Jadual 3.10	Pembahagian Borang Soal Selidik	51
Jadual 3.11	Interpretasi Nilai Pekali Kolerasi	54
Jadual 3.12	Perhubungan di antara Hipotesis Kajian, Jenis Pengukuran dan Jenis Analisis Statistik	55
Jadual 4.1	Jantina Pelajar yang terlibat	57
Jadual 4.2	Keturunan Pelajar yang terlibat	57
Jadual 4.3	Enrolmen Pelajar Tingkatan 4 yang mengambil mata pelajaran ICT di daerah Kota Kinabalu	58
Jadual 4.4	Senarai bilangan dan peratusan responden	58
Jadual 4.5	Tahap Kemahiran Komputer pelajar yang terlibat	59
Jadual 4.6	Bilangan dan peratus yang pernah mengikuti kursus komputer	59
Jadual 4.7	Bilangan dan peratus pelajar memiliki peralatan komputer di rumah	60

Jadual 4.8	Min dan nilai sisihan piawai bagi Dimensi 1: Pentakrifan Matlamat Pengurusan Pengajaran Guru	61
Jadual 4.9	Min dan nilai sisihan piawai bagi Dimensi 2: Pengurusan Kurikulum	62
Jadual 4.10	Min dan nilai sisihan piawai bagi Dimensi 3: Pemupukan Iklim Pengajaran dan Pembelajaran	64
Jadual 4.11	Min dan nilai sisihan piawai bagi Dimensi 1, 2 dan 3 (Bahagian B)	66
Jadual 4.12	Min dan nilai sisihan piawai bagi Dimensi 1: Pelajar, guru dan kakitangan sokongan	67
Jadual 4.13	Min dan nilai sisihan piawai bagi Dimensi 2: Perisian Instruksional dan Sumber Laman	68
Jadual 4.14	Min dan nilai sisihan piawai bagi Dimensi 3: Infrastruktur	70
Jadual 4.15	Min dan nilai sisihan piawai bagi Dimensi 1, 2 dan 3 (Bahagian C)	71
Jadual 4.16	Min dan nilai sisihan piawai bagi Dimensi 1: Persepsi tentang mata pelajaran ICT	72
Jadual 4.17	Min dan nilai sisihan piawai bagi Dimensi 2: Corak Pengajaran Guru	73
Jadual 4.18	Min dan nilai sisihan piawai bagi Dimensi 1 dan 2 (Bahagian D)	74
Jadual 4.19	Nilai Pekali Kolerasi Pearson antara Pengurusan Pengajaran Guru dengan Infrastruktur ICT	76
Jadual 4.20	Nilai Pekali Kolerasi Pearson antara Pengurusan Pengajaran Guru dengan Persepsi Pelajar	77
Jadual 4.21	Nilai Pekali Kolerasi Pearson antara Infrastruktur dengan Persepsi Pelajar	79

SENARAI SINGKATAN

ICT	<i>Information Communication Technology</i>
IT	<i>Information Technology</i>
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
MSC	<i>Multimedia Super Corridor</i>
NKRA	<i>National Key Result Areas</i>
PPDKK	Pejabat Pelajaran Daerah Kota Kinabalu
P&P	pengajaran dan pembelajaran
PIMRS	<i>Principal Instructional Management Rating Scale</i>
RETC	<i>Rubric of Essential Technology Conditions</i>
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SAPS	Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah
SPSS	<i>Statistical Packages for the Social Sciences</i>
TIMSS	Kajian Antarabangsa Ketiga Matematik dan Sains (<i>Third International Mathematics and Science Study</i>)
WAN	<i>Wide Area Network</i>

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pendidikan di Malaysia telah mengalami dan menghadapi pelbagai perubahan dari segi kurikulum, kaedah pengajaran dan kegiatan kokurikulum, sebagai usaha menyahut harapan masyarakat dan negara yang semakin mencabar. Kerajaan telah menyarankan penggunaan ICT dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan *Information Communication Technology* (ICT) ini akan membantu generasi baru lebih celik *Information Technology* (IT). Kerajaan berpendapat bahawa keputusan ini amat penting bagi melengkapkan generasi pelajar di negara ini dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk mengembangkan potensi mereka agar mereka menjadi generasi yang lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa (Kementerian Pelajaran, 2002).

Demi untuk merealisasikan matlamat di atas, Kementerian Pelajaran telah menyediakan pelbagai infrastruktur bagi melengkapkan guru dengan segala persediaan untuk mengajar pelajar dengan teknologi baru ini. Pengenalan mata pelajaran *Information Communication Technology* (ICT) kepada pelajar Tingkatan 4 dan 5 merupakan salah satu pendekatan yang menekankan kepentingan ICT dalam dunia global. ICT menjadi salah satu medium yang penting kepada masyarakat hari ini. Pengenalan ICT sebagai salah satu mata pelajaran elektif dalam pendidikan menengah atas di Malaysia sebagai satu tapak latihan bagi pelajar membuat persediaan. Subjek ini akan membantu pelajar menghubungkan pembelajaran dalam ICT dengan kehidupan harian yang progresif dengan teknologi. Kurikulum menyediakan platform bagi menghasilkan tenaga kerja yang celik komputer. Ini akan membantu menghadapi cabaran dalam ekonomi global. Subjek ini ditawarkan kepada semua pelajar Tingkatan 4 dan 5, subjek ini akan membantu pelajar mempelajari tentang pengetahuan, kemahiran

dan nilai daripada skop pembelajaran yang telah disediakan. Ia juga menyediakan pelajar menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kelak. (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2006)

Sebenarnya, pendekatan penggunaan komputer dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat membuka peluang inkuiri yang sebenar dalam bilik darjah. Penggunaan ICT ini akan membenarkan pelajar menerokai alam saintifik baru untuk membina pengetahuan sendiri melalui penyiasatan bukan dengan cara menghafal. Proses ini akan menggalakkan pelajar menimba pengetahuan dan pengalaman yang dapat menjangkau batasan bilik darjah. Selain itu, simulasi komputer yang menggunakan keupayaan komputer untuk menghasilkan satu model bagi sebahagian daripada dunia sebenar di atas skrin membenarkan pelajar meneroka dunia yang biasanya tidak dapat dialami secara sebenar disebabkan kekangan masa, keadaan, kewangan atau sumber fizikal yang terhad.

Penggunaan perisian-perisian yang dicipta khas untuk sesuatu mata pelajaran, bahan-bahan sumber dalam bentuk elektronik, penggunaan CD-ROM berasaskan subjek, penggunaan pangkalan data elektronik adalah aspek-aspek penting yang boleh meningkatkan keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Secara keseluruhannya, penggunaan komputer dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran sememangnya membawa manfaat kepada para pelajar.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pada abad yang ke 21, kita dapat merasai bahang globalisasi yang berlaku dalam semua bidang seperti perdagangan, perindustrian, pelancongan, perbankan dan juga pendidikan. Globalisasi ini berlaku dengan pantas melalui teknologi maklumat. Oleh itu, sejajar dengan globalisasi ini, pendidikan juga perlu mengorak langkah ke alam pembaharuan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Mata pelajaran Teknologi Maklumat ialah satu mata pelajaran elektif yang ditawarkan di peringkat sekolah menengah atas. Mata pelajaran ini bertujuan untuk

memberikan pengetahuan dan kemahiran tentang Teknologi Maklumat dan membina sikap yang bersesuaian untuk menghadapi cabaran dalam era maklumat. Pengetahuan, kemahiran serta sikap yang diperoleh melalui mata pelajaran ini membolehkan para pelajar menyambung pelajaran dalam bidang Teknologi Maklumat di peringkat pengajian yang lebih tinggi mahupun menggunakan pengetahuan dan kemahiran ini dalam bidang pengajian yang lain atau bidang kerjaya yang mereka ceburi.

Matlamat kurikulum Teknologi Maklumat peringkat sekolah ialah untuk membentuk pelajar yang berpengetahuan secara menyeluruh tentang teknologi maklumat dan berkemahiran menangani maklumat dengan menggunakan teknik dan perkakasan teknologi maklumat bagi menyelesaikan masalah (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001). Di samping pengetahuan dan kemahiran, kurikulum Teknologi Maklumat juga membentuk pelajar yang bersikap positif terhadap impak dan sumbangan Teknologi Maklumat kepada masyarakat dan kehidupan harian, supaya dapat menyumbang secara berkesan dan sepenuhnya dalam masyarakat dan ekonomi berteknologi di tempat mereka hidup dan bekerja. (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001).

Sejak tahun 1999, kurikulum mata pelajaran Teknologi Maklumat telah dilaksanakan. Lantaran kepesatan pembangunan dan kemajuan dalam bidang Teknologi Maklumat maka kandungan kurikulum mata pelajaran ini telah disemak semula dan dikemaskini untuk disesuaikan dengan kepesatan perubahan tersebut. Kemudian, mata pelajaran Teknologi Maklumat ini telah dikategorikan sebagai mata pelajaran Sains dan Teknologi maka bermula pada tahun 2006, mata pelajaran ini akan diajar dalam Bahasa Inggeris. (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2006). Kurikulum yang baru ini menekankan kepada komunikasi dan menggalakkan aplikasi Internet secara meluas bagi memperolehi maklumat terkini. Perubahan ini adalah wajar dan relevan dengan keadaan dunia ICT yang sentiasa berubah dan semakin mencabar.

Namun begitu, pengurusan pengajaran guru yang efektif dalam bilik darjah dapat membantu meningkatkan prestasi pelajar. Kounin (1970), mendapati guru yang menggunakan pengurusan pengajaran yang efektif mampu membantu pelajaranya fokus

semasa pembelajaran dan meminimumkan masalah tingkahlaku dalam bilik darjah. Model Kounin menyatakan bahawa guru memberikan kesan kepada tingkah laku pelajar secara positif dan negatif. Jika guru mempunyai transisi yang jelas dari satu pembelajaran ke pembelajaran lain, mengetahui setiap pelusuk dalam bilik darjah dan mengetahui bagaimana mempraktikkan momentum pengurusan pengajaran akan menjadi pengurus bilik darjah yang berkesan. William Watenberg, 1977 (dalam Manning et al. 2003) yang mengulas tentang model Kounin sebagai *"It counteracts mischief by keeping people productively busy. There is minimum reliance on negative experiences, a maximum reliance on activity and psychological alertness."*

Apabila pengurusan pengajaran guru adalah produktif maka ia mampu menyediakan ruang yang besar kepada pelajar untuk memberikan konsentrasi dalam aktiviti pembelajaran. Secara tidak langsung pengurusan pengajaran guru akan menjadi intipati kepada kejayaan pelajar dalam pencapaiannya. Selain itu, dalam pengurusan pengajaran guru ia perlu merangkumi pengurusan kelas yang biasanya melibatkan prosedur dan **komponen** dalam kurikulum. Prosedur ini merupakan proses yang ditentukan untuk meningkatkan pembelajaran pelajar seperti arahan bilik darjah dan disiplin. Manakala komponen dalam kurikulum merujuk kepada isi kandungan pelajaran atau topik yang bakal dipelajari.

Pengurusan pengajaran guru dalam kelas memberikan kesan yang signifikan dalam prestasi pelajar dalam mata pelajaran tersebut. ICT merupakan salah satu mata pelajaran yang boleh dikatakan baru dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) maka pengurusan pengajaran guru dengan intergrasi ICT membantu pelajar meningkatkan pencapaian dalam peperiksaan SPM kelak. Keupayaan seseorang untuk menggabungkan ICT dalam pembelajaran bukan berlaku secara automatik. Pengetahuan dan kemahiran dalam ICT tidak menjamin pengintergrasiannya dalam kurikulum dan juga pembelajaran. Justeru, adalah penting bagi guru memberikan panduan dan membuat persediaan yang mencukupi agar dapat memenuhi tuntutan dan jangkaan masyarakat untuk menggabungkan ICT dalam pengajaran dan seterusnya membantu pelajarnya.

Dasar Pembangunan Pendidikan 2001-2010, telah menyarankan keperluan pembangunan dalam ICT dalam pendidikan bagi menyediakan modal insan yang berkeترampilan demi mencapai Wawasan 2020. Namun wujud pelbagai cabaran yang dihadapi oleh KPM untuk membekalkan kemudahan ICT yang cukup dan terkini dengan rangkaian Internet kepada semua peringkat organisasi pendidikan bagi memperluaskan penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran (p&p). KPM perlu menyediakan kemudahan peralatan yang terkini dan mencukupi kepada semua peringkat pengurusan KPM ke arah mengukuhkan infrastruktur ICT dalam pendidikan. KPM juga perlu menyediakan secara berterusan program latihan yang lebih berkesan kepada semua tenaga pengajar dan personel KPM yang terlibat.

Bersama dengan pergerakan dunia yang mementingkan multimedia, subjek ICT telah mula diperkenalkan dalam Bahasa Inggeris di sekolah menengah sebagai subjek pilihan pelajar tingkatan 4 dan 5 pada tahun 2006. Sebelum tahun 2005, subjek ini diajar dalam Bahasa Melayu dan Pusat Perkembangan Kurikulum telah mengambil keputusan untuk menukarkan bahasa pengantar subjek ICT daripada Bahasa Melayu kepada Bahasa Inggeris. Punca perubahan ini adalah untuk memudahkan pelajar mengaplikasikan pengetahuan yang diperolehi dalam proses pengajaran dan pembelajaran ke dalam kehidupan harian.

Mengikut sukatan pelajaran subjek ICT (Huraian Sukatan Pelajaran, 2006), pelajar perlu belajar untuk format komputer dan instal perisian ke dalam sistem komputer. Aktiviti-aktiviti *hands-on* yang berpandukan modul merupakan satu kompetensi yang perlu dikuasai oleh pelajar. Kompetensi ini adalah penting untuk pelajar kerana pelajar perlu format komputer atau instal perisian dengan mengikut kepada langkah-langkah yang ditetapkan.

Kerajaan telah membelanjakan wang ringgit yang banyak untuk membangunkan infrastruktur ICT bagi kebaikan semua warga Malaysia. Prasarana ICT yang wujud hari ini masih lagi pada tahap yang awal. Jurang kemudahan masih wujud di kalangan pelajar di bandar dan luar bandar. Ini bermakna pelajar yang berada di bandar lebih beruntung kerana kemudahan ini lebih mudah diperolehi berbanding dengan pelajar

yang tinggal di luar bandar. Ini bermakna kesamarataan untuk memperolehi kemudahan yang serupa masih belum dapat direalisasikan sepenuhnya.

1.3 Penyataan Masalah

Sejajar dengan globalisasi maka pendidikan juga mengalami arus perubahan. Pengajaran dan pembelajaran tidak lagi seperti dahulu maka penggunaan ICT menjadi isu penting dalam bidang pendidikan. Banyak perubahan telah dilakukan oleh pihak kementerian bagi membaiki kualiti pendidikan negara kita dan penyerapan ICT adalah sangat penting dalam membantu mempertingkatkan tahap pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi.

Dalam mata pelajaran ICT, ia memerlukan pelajar melibatkan diri dalam aktiviti hands-on seperti pemasangan perkakas komputer dan instalasi perisian. Dengan keperluan pelajar dengan aktiviti *hands-on* dalam proses pembelajaran maka pengurusan pengajaran guru adalah penting dalam membantu pelajar memahami isi pelajaran dan meningkatkan pencapaian dalam peperiksaan awam. Tatacara dalam bilik darjah adalah kompleks. Banyak situasi boleh berlaku dalam satu masa dan jika guru tidak membuat perancangan dan pengurusan yang baik maka mereka akan gagal menjangka apa yang bakal berlaku. Kegagalan guru membuat jangkaan akan mengganggu proses pembelajaran dan pengajaran. Menurut Hallinger (2000), penetapan matlamat adalah elemen yang penting dalam pengurusan pengajaran guru. Guru memerlukan penetapan matlamat yang relevan bagi memastikan objektif yang dirancang boleh dicapai dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dewasa ini, guru seringkali terlupa atau tersilap pandang berkenaan dengan kepentingan penetapan matlamat dalam pengajaran dan pembelajaran. Penetapan matlamat yang jelas akan membantu mencapai objektif dan seterusnya meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran tersebut.

Pengawalan oleh guru juga merupakan elemen yang penting dalam pengurusan pengajaran guru. Guru perlu menguruskan kurikulum agar matlamat yang telah ditetapkan dapat dilaksanakan. Pengurusan kurikulum yang efektif menjamin objektif

yang telah dirancang boleh diimplementasikan dengan jayanya. Dalam pengurusan pengajaran guru, selain menetapkan matlamat dan membuat perancangan dalam kurikulum, guru juga perlu memastikan keadaan bilik darjah adalah kondusif dan membolehkan proses pembelajaran dan pengajaran berjalan dengan lancar.

Dalam mata pelajaran ICT, infrastruktur adalah medium yang penting. Kemudahan seperti komputer, kemudahan rangkaian *networking*, Internet dan mempunyai perisian seperti *word processor*, *presentation software*, *database* dan sebagainya untuk menyokong proses pengajaran dan pembelajaran. Selain kelengkapan fizikal, kehadiran guru yang berkelayakan untuk mengajar mata pelajaran tersebut juga penting. Jika sekolah mempunyai kelengkapan fizikal yang sempurna tetapi kekurangan guru yang berkelayakan untuk mengajar mata pelajaran tersebut juga merupakan suatu kecacatan yang begitu ketara. Kelengkapan fizikal dan kehadiran tenaga pengajar yang berkelayakan dirangkumi sebagai satu pakej yang sempurna bagi merangsang pencapaian prestasi yang cemerlang. Kerajaan telah menyatakan syarat kepada sekolah yang menawarkan mata pelajaran ini sebagai opsyen pilihan perlu memiliki kemudahan yang telah dinyatakan namun kadang kemudahan ini mengalami kerosakan. Kerosakan ini akan mengganggu pengajaran dan pembelajaran berlaku. (Hong, 2000)

Persepsi pelajar terhadap mata pelajaran ICT juga memberikan kesan tanggapan mereka terhadap mata pelajaran tersebut. Minat pelajar dalam mata pelajaran tersebut akan menjadi medium yang penting dalam memastikan pelajar mempunyai persepsi positif. Corak pengajaran guru yang menarik minat pelajar juga menjadi salah satu daya pendorong. Tahap literasi pelajar akan memberi kesan kepada persepsi dalam mata pelajaran ICT. Jika pelajar mempunyai literasi dalam komputer ia akan membantu pelajar lebih senang menguasai kandungan pelajaran. Literasi ini bukan sahaja meliputi kemahiran menggunakan komputer semata-mata. Ia memerlukan pelajar mampu membuat pemasangan perkakasan dalam komputer, menjaringkan *networking*, instalasi perisian dan sebagainya. Literasi asas ini akan memudahkan pelajar mengikuti pembelajaran dalam bili darjah. Bonus ini akan menjadi daya penggerak untuk membina persepsi positif pelajar dalam mata pelajaran ICT. (Hassan, 2006)